

21 JUN 2004

ABDULLAH-KOMUNITI/I

PERDANA MENTERI MAHU PEMBENTUKAN KOMUNITI ASIA TIMUR DIPERCEPATKAN

KUALA LUMPUR, 21 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menggesa agar pembentukan Komuniti Asia Timur dipercepatkan.

"Saya percaya kita di rantau ini telah lama berlengah-lengah. Sudah sampai masanya untuk membawa proses pembentukan Komuniti Asia Timur ke tahap yang lebih tinggi dan dalam hala tuju yang baru," katanya semasa merasmikan Kongres Asia Timur Kedua, di sini, hari ini.

Abdullah berkata beliau yakin sekarang adalah masa yang terbaik untuk melancarkan Projek Keamanan Asia Timur (Komuniti Keamanan AsiaTimur), Projek Ekonomi Asia Timur (pembentukan Komuniti Ekonomi AsiaTimur) dan Projek Diplomatik Asia Timur (pembentukan Komuniti Diplomatik AsiaTimur).

Sekiranya rantau ini begitu bernasib baik dan berpegang teguh dengan komitmen mereka, Asia Timur kemungkinan mengambil masa sekurang-kurangnya satu generasi untuk mencapai tahap komuniti keamanan Asean yang ada sekarang, katanya.

"Sekiranya kita benar-benar bernasib baik, sekiranya kita benar-benar gigih, Asia Timur perlu mengambil masa sekurang-kurangnya dua generasi untuk mencapai tanda aras Eropah," kata Abdullah.

"Ianya bukan perdebatan bagi menangguhkannya lagi atau untuk melangut. Ianya perdebatan agar kita tidak tidak terus membuang masa. Lebih cepat kita mulakan dengan lebih tekun, lebih baik," katanya dalam ucaptamanya yang bertajuk "Membangunkan Komuniti Asia Timur: Banyak Soalan Sedikit Jawapan".

Perdana Menteri bertanya apakah jenis cadangan khusus yang boleh dibuat berkaitan dengan Kerjasama Monetari dan Kewangan Asia Timur.

"Mengapa tidak pembentukan Tabung Monetari Asia Timur yang melengkap dan bukan mencabar atau mengambil tempat IMF (Tabung Kewangan Antarabangsa), sama seperti Bank Pembangunan Asia di Malaysia yang

melengkap dan bukan mencabar atau mengambil tempat Bank Dunia di Washington.

"Ketika kita mengusahakan sesuatu seperti Tabung Kewangan Asia Timur, mengapa tidak mewujudkan, sebagai pelopor, Institut Monetari Asia Timur, Kumpulan Pemikir bagi Kerjasama Monetari dan Kewangan Asia Timur, yang boleh mula menjalankan separuh daripada kerja Tabung Kewangan Asia Timur di masa depan," katanya.

Perdana Menteri berkata proses bagi kerjasama, intergrasi dan pembangunan komuniti Asia Timur yang lebih utuh tidak boleh dihentikan.

"Adakah ia kelak menjadi "EU Minus", atau "Asean Plus," hanya masa yang akan menentukan dan hanya usaha kita dan campur tangan orang lain di masa akan datang akan membentuk acuan dan inti pati Komuniti Asia Timur kita," kata Abdullah.

Pembentukan Komuniti Asia Timur adalah cadangan daripada bekas perdana menteri Tun Dr Mahathir Mohamad 13 tahun lalu.

"Pada awalnya cadangan itu mendapat cemuhan dan ditentang hebat tetapi hari ini idea itu telah dapat diterima," kata Abdullah.

Perdana Menteri berkata dalam banyak cara proses Asean+3 telah berkembang lebih pesat berbanding Asean bagi separuh dekad pertamanya.

Menurutnya, sudah terdapat mesyuarat sidang kemuncak tahunan antara pemimpin-pemimpin Asean+3 yang sering bertemu di peringkat tertinggi yang mungkin.

Pemimpin-pemimpin Asean+3 yang kali pertama bertemu di Kuala Lumpur pada 1997 akan bermesyuarat di Sidang Kemuncak Kelapan mereka di Vientianne, Laos, tahun ini.

"Di Sidang Kemuncak Asean+3 akan datang, mengapa tidak dibuat satu "deklarasi" atau "perjanjian" Asia Timur. Adakah itu akan menjadi satu idea yang baik secara simboliknya dan dari segi mula menggerakkan kemajuan penting yang kedua," tanyanya.

Kemudiannya, semasa menjawab soalan daripada pemberita, Abdullah menjelas Komuniti Asia Timur akan dibentuk berasaskan kepada kerjasama antara satu sama lain bagi membantu memakmur jiran.

Ia juga dalam bentuk kerjasama dengan organisasi global seperti Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO), Bank Dunia dan IMF.

Beliau juga yakin pembentukan Komuniti Asia Timur tidak akan menyebabkan penyisihan Asean.

Asean merupakan sebuah komuniti sub-serantau yang penting dan telah terbukti sangat berjaya, katanya.

Abdullah berkata Asean+ China, Jepun dan Korea Selatan komited untuk bekerjasama dalam mencari penyelesaian bagi kepentingan bersama.

Negara-negara terbabit masih membincangkan banyak perkara termasuk bahagian ekonomi dan pendidikan, katanya.

Beliau yang berharap dapat melihat Komuniti Asia Timur menjadi satu kenyataan tidak lama lagi berkata, pembentukannya bergantung kepada perjanjian antara negara yang terlibat.

Apabila ditanya mengenai mata wang tunggal Asia Timur, Abdullah yang juga selaku Menteri Kewangan berkata perkembangannya agak perlahan kerana terdapat keutamaan lain yang perlu dipertimbangkan terlebih dahulu.

--

BERNAMA

MAD MKO FR ZK